

YAB MENTERI BESAR RASA SEDIH ATAS KEHILANGAN RAKYAT PAHANG DALAM KEJADIAN BANJIR

KUANTAN, 7 JANUARI 2021: Menteri Besar Pahang, YAB. Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail melahirkan rasa belas ehsannya serta mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa-mangsa banjir khususnya yang membabitkan kematian.

Beliau berpesan agar rakyat terutama yang tinggal di kawasan-kawasan dilanda banjir di negeri ini, supaya sentiasa berwaspada dan berhati-hati bagi mengelak kemalangan apatah lagi membabitkan kematian.

“Saya turut berasa sedih dan ucapkan takziah kepada keluarga mangsa khususnya yang meninggal dunia akibat banjir.

“Kepada penduduk di kawasan-kawasan yang terbabit banjir, saya harap dapat sentiasa waspada dan hati-hati agar kemalangan tidak berlaku terutamanya yang menyebabkan ajal, kematian,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Menurut rekod sehingga kini, banjir besar yang melanda 10 daripada 11 daerah negeri ini (kecuali Cameron Highlands) bermula 2 Januari lalu telah meragut lima nyawa.

Mangsa pertama ditemukan ialah Allahyarham Zulkarnain Hitam, 58, susulan kejadian malam Ahad, 3 Januari, dihanyutkan air di Sungai Puas, Kampung Gintong, Jerantut dan dilaporkan lemas awal pagi Isnin, 4 Januari.

Anak lelakinya, Allahyarham Ukai Iskandar, 23, yang turut terbabit kejadian sama, hanya ditemukan kira-kira tiga hari kemudian pada pagi Rabu, 6 Januari manakala dua anaknya yang turut terbabit iaitu Umar Iskandar, 15, dan Usyair Iskandar, 13, terselamat.

Allahyarham Mohd Roslihisamsudin Suliman @ Atan, 43, pula ditemukan lemas setelah tergelincir di Sungai Maranggis, Kampung Bak-Bak, Maran pada kejadian Selasa, 5 Januari semasa terlibat dalam operasi membantu penduduk setempat menghadapi banjir.

Allahyarhamah Rozi Umar, 52, pula ditemukan lemas pagi Selasa, 5 Januari di Sungai Jelai berhampiran jambatan gantung Kampung Bertang, Sungai Koyan, Lipis setelah bot dinaiki terbalik sebelum dibawa arus pada kejadian sehari sebelumnya, Isnin, 4 Januari.

Anak perempuannya, Zakirah, 19, yang turut bersama ketika kejadian, belum ditemukan. Suami Allahyarhamah Rozi, Encik Ahmad Husin Mad Aris, 52, dan seorang lagi anak perempuan, Nur Aina, 21, yang turut bersama ketika kejadian, terselamat.

Mangsa kelima, Allahyarham Isyraf Mohamad, 41, pula menemui ajal pada kejadian hari Selasa, 5 Januari, setelah terkena renjatan elektrik akibat memegang tiang besi semasa meninjau keadaan banjir di hadapan rumahnya di Kampung Paya Kechik, Temerloh. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st

#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

(LIPUTAN BERGAMBAR)

اللَّهُمَّ إِنَّا إِلَيْكَ رَاغِبُونَ

TAKZIAH

kepada seluruh keluarga
mangsa korban banjir di Negeri Pahang 2021

1. **Zukarnain Bin Hitam**

Sebab kematian: Dihanyutkan air di Sungai Puas Kg Gintong, Jerantut

2. **Ukai Iskandar bin Zulkarnain**

Sebab kematian: Dihanyutkan air di Sungai Puas Kg Gintong, Jerantut

3. **Mohd Roslihisamsudin Bin Suliman**

Sebab kematian: tergelincir di Sungai Maranggis Kg Bak - Bak, Maran

4. **Rozi Binti Umar**

Sebab kematian: Lemas di Sg Jelai berhampiran Jambatan gantung Kg Bertang, Mukim Ulu Jelai, Sg Koyan, Kuala Lipis.

5. **Isyraf Bin Mohamad**

Sebab kematian: Terkena renjatan elektrik akibat memegang tiang besi semasa membuat pemantauan banjir di hadapan rumahnya di Kampung Paya Kechik, Temerloh

daripada
YAB Dato' Sri Wan Rosdy Bin Wan Ismail
Menteri Besar Pahang



